

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

TARIKH : 27 MAC 2019

HARI : RABU

SENTIMEN : NEUTRAL

Ms.12

Rabu, 27 Mac 2019 BH

→ PTPTN

Peminjam dinasihat semak penyata elak manipulasi

➔ Agensi terima lima aduan babitkan IPTS antara 2016 hingga 2018

Oleh Ismail Mat
ismailmat@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) menasihati semua peminjamnya, supaya sentiasa menyemak penyata menerusi portal perbadanan itu, bagi mengelak se-

barang manipulasi atau penipuan pinjaman oleh institusi pengajian tinggi tempat mereka belajar.

Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi) PTPTN, Mastura Mohd Khalid, berkata pihaknya hariya boleh menyiasat sebarang manipulasi yang mungkin berlaku, jika ada aduan daripada pelajar yang menerima pembiayaan terhadap pengajian masing-masing.

Beliau berkata, lima aduan membabitkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang direkodkan di antara 2016 hingga 2018 seperti didedahkan Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, di Parlimen kelmarin, dikesan PTPTN hasil aduan pelajar.

"Dalam kes itu, kolej yang terbabit dikesan telah diluluskan pembezaan tempoh pembelajaran daripada enam kepada lima se-

mester. Walaupun tempoh pengajian disingkatkan, tetapi ketika semester enam, IPTS menghantar maklumat bahawa pelajar itu masih belajar. Berasakan situasi itu, PTPTN mengeluarkan pembiayaan atas nama pelajar berkenaan.

Pelajar buat aduan

"Namun, keadaan itu terbongkar apabila pelajar yang menerima penyata kewangan daripada PTPTN, tampil membuat aduan memaklumkan bayaran masih diluluskan selepas mereka menamatkan pengajian masing-masing," katanya kepada BH di sini, semalam.

Mastura berkata, hasil siasatan mendapati hanya sebuah kolej swasta terbabit mengemukakan tuntutan bagi semester keenam dan pengurusananya diarah membayar balik pembiayaan yang di-

salurkan kepada pelajar mereka serta merta.

"IPTS itu diarah mengembalikan wang berkenaan serta merta dan kegagalan berbuat demikian menyebabkan PTPTN akan berhenti daripada membiayai pelajar baharunya. Hanya Kementerian Pendidikan mempunyai kuasa mengambil tindakan terhadap IPTS yang menipu.

"Siasatan juga mendapati, perbuatan itu membabitkan 76 pelajar kolej berkenaan dengan nilai pembiayaan disalurkan bagi semester keenam itu adalah lebih RM200,000. Kolej berkenaan sudah mengembalikan bayaran terbabit kepada PTPTN," katanya.

Beliau berkata, siasatan berhubung aduan terhadap empat lagi kolej mendapati tiada kes membabitkan pelajarinya.



PTPTN hanya boleh menyiasat sebarang manipulasi yang mungkin berlaku, jika ada aduan daripada pelajar yang menerima pembiayaan terhadap pengajian masing-masing"

Mastura Mohd Khalid,
Timbalan Ketua Eksekutif
(Dasar dan Operasi) PTPTN